

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL TEO YU KENG [ MIRI ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa banyak rumah kos rendah yang bernilai kurang daripada RM60,000 telah dibina sejak tahun 2018 di seluruh Sarawak. Selain itu, Miri mempunyai jumlah setinggan yang tertinggi di Sarawak, berapa banyak rumah kos rendah yang telah dibina di Miri sehingga hari ini.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melaksanakan pembangunan Program Perumahan Rakyat (PPR) Dimiliki yang menawarkan rumah berharga RM42,000 seunit di Sarawak bagi memenuhi permintaan perumahan oleh golongan B40 dan setinggan di negeri berkenaan.
2. Dari 2002 sehingga 31 Oktober 2020, sebanyak 3 PPR Dimiliki melibatkan 1,124 unit rumah telah siap dibina di Sarawak, manakala 3 projek PPR merangkumi 1,112 unit rumah sedang dalam pembinaan. Selain itu, terdapat 5 PPR Disewa melibatkan 3,016 unit rumah telah siap dibina di Sarawak.
3. Secara khususnya, bagi kawasan Miri, terdapat 1 projek PPR Dimiliki yang telah siap dibina pada tahun 2015 iaitu PPR Lambir yang terdiri daripada 505 unit rumah. Sekian, terima kasih.